

25 OCT 2002

TAZKIRAH TIDAK BOLEH DISELEWENGKAN - KATA NIK AZIZ

KOTA BAHARU, 25 Okt (Bernama) -- Mursyidul Am PAS Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat berkata semua pihak tidak wajar menyalahgunakan tazkirah ketika sembahyang sunat Tarawih sepanjang bulan Ramadan ini.

Katanya tazkirah bertujuan untuk mengingatkan manusia kepada Allah.

"Ia diadakan supaya manusia tidak mengingal soal duniawi semata-mata," katanya kepada pemberita selepas sembahyang Jumaat di Masjid Sabak, di sini, hari ini.

Nik Aziz yang juga Menteri Besar Kelantan mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam bahawa tindakan tegas akan diambil terhadap mana-mana pihak yang menyalahgunakan tazkirah ketika solat sunat Tarawih.

Dr Mahathir berkata perbuatan itu termasuk menyelit isu politik bukan sahaja mengganggu jemaah, malah mencemari solat Tarawih yang sepatutnya bertujuan mendekatkan diri dengan Allah bagi memperoleh keberkatan pahala.

-- BERNAMA

WM RAR HM